

**MOHAMAD LUTHFI ABDUL RAHMAN**

## **Libat Sama Universiti dan Komuniti: Manfaat Kesusasteraan Lisan di Malaysia**

**IKHTISAR:** Makalah ini bakal membincangkan tentang kepentingan libat sama atau jaringan antara universiti dan komuniti dalam konteks pendidikan tinggi di Malaysia. Objektif makalah ini adalah untuk melihat sejauh mana libat sama ini mampu memberikan impak positif dalam bidang tradisi lisan di Malaysia. Bagi tujuan ini, libat sama yang dimaksudkan bukanlah sekadar program-program kemasyarakatan yang konvensional, seperti gotong-royong, membantu mengecat dewan, motivasi kepada anak-anak desa, dan sebagainya, tetapi ia lebih menjurus kepada perkembangan warisan dan kebudayaan sesuatu komuniti yang dikunjungi. Berasaskan pendapat daripada Alan Dundes (1965) yang menekankan pentingnya sastera lisan dikaji dalam konteks budaya masyarakat itu sendiri; dan juga pandangan sarjana sastera lisan tempatan, iaitu Mohd Taib Osman (1982), yang memaparkan keakraban bidang sastera lisan dengan kaedah kajian di lapangan, menjadikan usaha libat sama ini sangat relevan untuk dilaksanakan. Pelajar yang terlibat dalam program sebegini akan berpeluang mendekati para penggiat kesusasteraan lisan, seperti penglipur lara, pakar-pakar pantun, penyair, ahli gurindam dan seloka, dan sebagainya. Pada masa yang sama, warisan tersebut juga akan terus hidup sekiranya program libat sama universiti dan komuniti itu diadakan secara berkala dan berterusan. Signifikannya, pendekatan sebegini sesuai dengan latar bidang ilmu kemanusiaan dan kesusasteraan yang sentiasa membicarakan persoalan kesenian, pemuliharaan, proses kreatif seseorang insan seni, dan sebagainya.

**KATA KUNCI:** Libat sama, kesusasteraan lisan, konvensional, pelajar, penggiat seni, pendedahan, perkembangan, objektif, program, dan peruntukkan.

**ABSTRACT:** This paper entitled "Equal Engagement of the University and Community: The Benefits of Oral Literature in Malaysia". It will discuss the importance of equal engagement or network between university and community in the context of higher education in Malaysia. The objective of this paper is to see how far this equal engagement is able to give the positive impact in the field of oral tradition in Malaysia. For this purpose, equal engagement is not meant just social programs that are conventional, such as mutual assistance, help to paint the hall, to motivate the village children, and so on, but it is more focused on development and cultural heritage of a community that be visited. Based on the opinion of Alan Dundes (1965) emphasized the importance of oral literature is reviewed in the context of the culture itself; and also the views of local oral literature scholar, Mohd Taib Osman (1982), who explains the closeness of oral literature in the field of research methodology, make the equal engagement is very relevant to be done. Students involved in this program will have the opportunity to reach out to the oral literature's players, such as storytellers, experts of poem and poets, "gurindam" (rhapsodical type of free verse) couplets, and so on. At the same time, the legacy will continue to live together if the programs of equal engagement between university and community are held regularly and continuously. Significantly, this approach fits with the background of humanities and literature fields that are always talking about the question of the arts, conservation, creative process of an artist, and so on.

**KEY WORD:** Equal engagement, oral literature, conventional, students, art activists, exposure, development, objectives, programs, and allocation.

### **PENDAHULUAN**

Libat sama universiti dan komuniti merupakan suatu konsep yang jelas tentang suatu usaha untuk merapatkan atau

mendekatkan dua entiti besar dalam dunia hari ini. Konsep jelas yang dimaksudkan itu ialah khalayak umum sedia memahami apakah yang dimaksudkan dengan "universiti" dan

---

Dr. Mohamad Luthfi Abdul Rahman ialah Pensyarah Kanan pada Bahagian Kesusasteraan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan USM (Universiti Sains Malaysia), Kampus Induk USM, Minden, Pulau Pinang, Malaysia. Bagi urusan sebarang akademik, penulis boleh dihubungi dengan alamat emel: [luthfi@usm.my](mailto:luthfi@usm.my)

juga “komuniti” tersebut. Malah “libat sama” itu juga turut boleh difahami, kerana ia boleh dikaitkan dengan kerja sama, gabungan, usaha sama, dan seumpamanya. Lanjutan itu juga amalan berkenaan turut dapat dilihat oleh umum, apabila wujudnya penempatan pelajar-pelajar di industri, di jabatan-jabatan kerajaan, atau swasta dalam konteks praktikum dan juga latihan industri. Begitu juga dengan aktiviti “bakti siswa” yang dijalankan saban tahun oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam / Swasta (IPTA/S), yang menampakkan bahawa hubungan antara universiti dan masyarakat luar sedia dan telah terjalin sekian lama.

Namun demikian, kertas kerja ini cuba melihat faedah atau manfaat sebenar yang boleh diperolehi melalui libat sama seperti ini. Secara konvensional, manfaat yang sering diwar-warkan ialah untuk mendekatkan siswa dengan masyarakat, untuk melatih siswa berada dalam dunia kehidupan dan kerjaya yang sebenar selepas bergraduan nanti, dan banyak lagi manfaat yang tidak boleh dipertikaikan. Dalam konteks latihan industri, kepada pelajar-pelajar sains dan kejuruteraan sangatlah relevan dengan bidang pengajian mereka. Pendedahan di jabatan-jabatan kerajaan juga mampu menyediakan pelajar ke arah kerjaya, itupun jika benar-benar diberi peluang latihan yang sewajarnya dengan bidang pengajian mereka. Usaha mendekatkan siswa dengan masyarakat juga berjaya, apabila dalam program-program tertentu, seperti gotong-royong bersama penduduk kampung, memberi bimbingan kepada anak-anak kampung yang bakal menduduki peperiksaan, dan beberapa aktiviti sampingan lain yang melibatkan kedua-dua golongan tersebut.

Sebaliknya, pandangan E.D. Sarah (2009) yang menyifatkan tujuan libat sama ini sebagai meningkatkan sasaran pencapaian universiti, dan pada masa yang sama meningkatkan keupayaan masyarakat menyelesaikan isu yang sedang mereka hadapi, lebih menarik perhatian penulis. Diperkukuhkan lagi dengan definisi “libat sama” yang digariskan oleh Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (BJIM) Universiti Sains Malaysia, bahawa libat sama adalah untuk menguntungkan komuniti, perkongsian ilmu, dan juga mewujudkan kesejahteraan komuniti ke arah perubahan

yang lebih baik (<http://www.usm.my/bjim>, 15/8/2013). Oleh itu, bentuk libat sama yang memberikan keuntungan kepada kedua-dua pihak secara menyeluruh dan berpanjangan lebih menarik untuk dikaji dalam konteks bidang kesusasteraan.

## **PELAJAR KESUSASTERAAN DAN LIBAT SAMA DALAM BIDANG KESUSASTERAAN**

Terlebih dahulu perlu dijelaskan situasi pelajar-pelajar dalam bidang kesusasteraan ini. Pelajar kesusasteraan tidak berurusan dengan perkakasan teknologi yang besar dan rumit, seperti pelajar kejuruteraan. Mereka juga tidak berkemahiran, sama ada dalam ilmu sains perubatan mahupun kemahiran tinggi dalam bidang teknologi maklumat, yang mampu mereka-cipta perisian-perisian canggih yang mampu memberi kemudahan hidup kepada masyarakat. Jika bidang kejuruteraan, perubatan, dan teknologi maklumat agak mudah memberikan impak perubahan ke arah kebaikan kepada masyarakat, bagaimana pula dengan bidang kesusasteraan? Pelajar kesusasteraan lebih dikenali dengan kajian yang berbentuk tekstual dan kontekstual. Misalnya analisis karya-karya sastera, kajian sejarah sastera, kajian ke atas pengarang, dan sebagainya (Klarer, 2004).

Namun, selain bidang tersebut, pelajar kesusasteraan juga sebenarnya turut didedahkan dengan kajian berbentuk sastera lisan. Sastera lisan merupakan kajian tentang cerita-cerita lisan, sama ada yang berbentuk mitos, legenda, dan lipur lara mahupun cerita-cerita pendek yang disampaikan oleh orang tua-tua di kampung (Mat Piah, 2003). Cerita-cerita sebegini sebenarnya berada dalam simpanan ingatan masyarakat di kampung-kampung. Biasanya ia tersimpan dalam memori orang tua-tua yang memperolehnya daripada nenek-moyang mereka terdahulu.

Justeru, di sinilah terlihatnya perkaitan antara bidang kesusasteraan lisan dengan masyarakat di luar kampus. Walaupun terdapat sebahagian cerita-cerita ini yang telah dibukukan, namun keperluan pelajar untuk turun ke lapangan mengutip cerita ini dan juga mewawancara pemilik cerita tersebut mampu memberikan konteks penceritaan yang lebih jelas. Malah, tanpa merasai pengalaman

mengumpul cerita lisan ini, pelajar-pelajar kesusasteraan, sama ada di peringkat ijazah pertama mahupun sarjana, tidak akan memahami sepenuhnya konteks sastera lisan yang sebenar.

Huraian berikut akan menjelaskan pemerihal bersabit isu libat sabat dalam bidang kesusasteraan, sama ada yang berkenaan dengan pendedahan langsung, manfaatnya bagi para pelajar dan penggiat, mahupun kaedah pelaksanaan yang berkesan serta cabaran dan halangan.

**Pertama, Pendedahan Langsung.** Libat sama universiti dan komuniti dalam konteks sastera lisan ini sangat penting kepada pelajar-pelajar dalam bidang kesusasteraan. Libat sama akan dapat memberikan pendedahan langsung kepada pelajar, berkaitan aktiviti sastera lisan dalam persekitarannya yang asal. Makalah ini bertitik tolak daripada pandangan Alan Dundes (1965) dan Mohd Taib Osman (1982), yang menyatakan bahawa kesusasteraan lisan itu hidup dan muncul dalam masyarakat desa ataupun masyarakat petani. Malah, Mohd Taib Osman (1982) sendiri menyatakan dengan jelas tentang kaedah-kaedah kajian lapangan dilakukan dalam usaha pengumpulan cerita lisan, dan ini telah menjadikan penglibatan pelajar kesusasteraan dengan komuniti semakin jelas. Pelajar memerlukan masyarakat ini untuk mendapatkan cerita lisan tersebut, di samping memastikan keaslian data yang diperoleh daripada pemilik yang sebenar.

Dalam kajian terhadap warisan penglipur lara, pelajar semestinya mengunjungi penglipur lara berkenaan di kampung halamannya sendiri. Kunjungan sebegini akan membuka peluang kepada pelajar untuk mengenali tokoh pencerita tersebut, menyaksikan persembahan secara *live*, serta merasai suasana hiburan masyarakat silam ketika masih tiada peralatan hiburan seperti hari ini. Pelajar-pelajar peringkat sarjana kesusasteraan sememangnya didedahkan dengan kajian lapangan berkaitan penglipur lara ini. Mereka dibawa menyaksikan persembahan penglipur lara Awang Batil di Kampung Pokok Sena, Chuping, Perlis.

Awang Batil, atau namanya Romli Mahmud, menyampaikan persembahannya secara langsung dan lengkap dengan topeng dan alat muzik, sebagaimana yang disampaikan sejak

zaman lampau oleh Allahyarham bapanya, Pak Mahmud. Persembahan dilakukan secara menyeluruh dan lengkap, tanpa ada sebarang pindaan dan juga tidak terikat dengan hambatan masa. Keadaan ini berbeza jika pelajar sekadar menyaksikan persembahan di majlis-majlis keramaian anjuran kerajaan. Persembahan di tempat sedemikian sangat terikat dengan kekangan masa dan juga suasana pentas yang tidak menampakkan keaslian persembahan penglipur lara tersebut. Menerusi kunjungan terus ke rumah penggiat sastera lisan berkenaan, ternyata pelajar akan merasai suasana kegiatan sastera lisan yang sebenar.

Libat sama ini juga boleh terhasil dalam bentuk aktiviti pelajar secara individu. Misalnya, setiap pelajar pulang ke kampung halaman mereka sendiri dan menemui orang tua-tua untuk mendapatkan cerita-cerita lisan yang pendek. Misalnya, cerita asal-usul nama tempat, cerita tentang tokoh-tokoh hebat di kampung mereka, cerita-cerita hantu/misteri yang diketahui oleh masyarakat setempat, dan sebagainya. Walaupun ia kelihatan remeh dan berskala kecil dari segi libat sama tersebut, tetapi ia tetap menunjukkan adanya usaha sama antara universiti (pelajar) dan juga komuniti (orang-orang kampung).

Malah jika cerita yang berjaya dikumpul itu merupakan cerita yang menarik dan banyak keistimewaannya, tidak mustahil ia akan dilanjutkan kajiannya ke peringkat sarjana dan doktor falsafah. Secara tidak langsung, cerita-cerita yang sebelum ini hanya diketahui oleh komuniti sesuatu kampung sahaja akan menjadi terkenal, apabila ia diterbitkan dalam bentuk buku dan sebagainya nanti.

Selain warisan cerita lisan masyarakat Melayu, penerokaan terhadap warisan cerita lisan Orang Asli juga merupakan suatu peluang yang sangat perlu dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar kesusasteraan. Cerita lisan mereka sangat jarang diutarakan dalam bidang kesusasteraan, sedangkan mereka adalah sebahagian masyarakat di Malaysia yang kaya dengan pelbagai khazanah warisan yang istimewa dan memiliki keunikan tersendiri.

Sebagai contohnya, kewujudan seorang penglipur lara Jakun di Kuala Rompin, Pahang. Tokoh pencerita yang bernama Pura Taman

itu merupakan seorang yang sangat hebat dan setanding dengan beberapa penglipur lara Melayu yang sebelumnya (Abdul Rahman, 2008). Beliau memiliki beberapa buah cerita lisan Orang Asli yang sangat berbeza dengan cerita lisan Melayu. Karektor watak dan latarnya adalah berimejkan masyarakat mereka sendiri.

Selain itu, masyarakat Orang Asli dari suku Che Wong di Raub, Pahang juga memiliki cerita lisan yang tersendiri. Mereka memiliki cerita lisan tentang ketokohan pawang dan juga cerita-cerita yang merujuk kepada asal-usul mereka. Sekiranya ada usaha untuk libat sama antara universiti dan komuniti ini khusus dalam pengumpulan cerita lisan, pastinya banyak khazanah kisah-kisah masyarakat silam boleh diutarakan kepada masyarakat umum. Secara tidak langsung, kelompok kecil masyarakat yang hanya berjumlah kira-kira 120 orang ini akan lebih dikenali oleh umum.<sup>1</sup>

Libat sama antara universiti dan komuniti ini pernah dilakukan melalui Kelab Sastera di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang. Penganjuran aktiviti Kembara Sastera ke Pantai Timur pada tahun 2011, Kembara Sastera dan Budaya Selatan pada tahun 2012, dan juga Eksplorasi Sastera dan Budaya Perak pada tahun 2012 menunjukkan usaha libat sama ini telah dipraktikkan dalam bidang kesusasteraan. Ahli kembara yang terdiri daripada 95% pelajar kesusasteraan telah mengambil pendekatan untuk turun ke lapangan bagi menemui penggiat sastera dan tradisi lisan yang ada di Semenanjung Malaysia. Aktiviti ini sepenuhnya

<sup>1</sup>Kajian lapangan yang dilakukan oleh penulis di Kampung Susup, Raub, Negeri Pahang, Malaysia (20/8/2012).



**Gambar 1:**

Program Kelab Sastera USM Pulau Piang bersama Persatuan Penulis Johor, Malaysia, pada tahun 2011  
(Sumber: Koleksi Kelab Sastera USM)



**Gambar 2:**

Kunjungan pensyarah kesusasteraan USM bertemu penglipur lara dari Johor, Malaysia, pada tahun 2011  
(Sumber: Koleksi Kelab Sastera USM)

tertumpu kepada pencarian penggiat tradisi lisan dan tidak melibatkan aktiviti gotong-royong, sukaneka, dan sebagainya yang lebih bersifat santai.

Dalam Kembara Sastera ke Pantai Timur pada tahun 2011, misalnya, pelajar sastera telah menemui seorang primadona Mak Yong

di Pengkalan Chepa, Kelantan, dan juga seorang primadona *Mak Yong* di Besut, Terengganu. Dalam kunjungan itu pelajar telah berpeluang melihat demonstrasi persembahan *Mak Yong* dan juga berpeluang mewawancara kedua-dua primadona tersebut. Selain dalam tradisi lisan, kembara ini juga menemukan pelajar dengan persatuan penulis di Kelantan. Jika sebelum ini pelajar hanya mengenali beberapa penulis dan penyajak dari Kelantan melalui karya mereka sahaja, tetapi kini telah berpeluang bertemu muka dan berkongsi idea dan pengalaman bersama mereka. Dalam suasana begini, pelajar kesusasteraan tidak lagi sekadar membaca karya semata-mata tetapi dapat bertanya terus kepada pengarangnya sendiri tentang aspek-aspek kepengarangan dan sebagainya.

Dalam format yang sama juga, Kembara Sastera dan Budaya Selatan pada tahun 2012 telah memberi pendedahan kepada pelajar tentang warisan tradisi lisan yang terkenal di Johor, iaitu *Kuda Kepang* dan juga *Barongan*. Pelajar berpeluang menyaksikan persembahan yang berbentuk formal dan juga lebih asli, mereka dipertontonkan dengan *kuda kepang* yang ada unsur ritual, sebagaimana yang dimainkan oleh masyarakat silam. Berbanding persembahan formal, *kuda kepang* tradisi ini lebih sarat dengan pelbagai aksi yang mengejutkan, malah menggerunkan sekali-sekala. Sekiranya tanpa program sebegini, pastinya generasi muda sukar untuk menyaksikan warisan persembahan rakyat sedemikian, kerana hampir kesemua elemen ritual tersebut telah diharamkan untuk tatapan masyarakat umum. Hanya persembahan di kampung-kampung sahaja yang masih mengekalkan bentuk persembahan yang asal.

**Kedua, Manfaat bagi Pelajar dan Penggiat.** Apabila membicarakan isu libat sama universiti dan komuniti ini, salah satu aspek penting yang sering diutarakan ialah manfaat untuk kedua-dua pihak. Walaupun ia boleh dikatakan suatu



**Gambar 3:**

Pelajar kesusasteraan bersama ahli kumpulan *kuda kepang* yang masih memainkan persembahan ini secara amalan tradisi (Sumber: Koleksi Kelab Sastera USM)

yang “agak baru dalam dunia akademik” (Max & Richard, 2010), namun perkara penting yang ingin ditegaskan ialah tentang faedah utama daripada aktiviti ini. Libat sama semestinya mampu memberikan suatu kesan jangka panjang dan berterusan. Malah sesuatu yang perlu dielak ialah apabila ia dilakukan sekadar memenuhi keperluan kurikulum semasa sahaja. Jika ini yang berlaku, pastinya libat sama tidak akan memberikan suatu impak yang berkesan.

Berbalik kepada bidang kesusasteraan, kesan yang boleh diperolehi dari sudut universiti (pelajar) ialah membuka ruang pengajaran dan pembelajaran yang lebih luas dan praktikal. Sekiranya dalam dewan kuliah mereka sekadar diajar dengan teori, namun kajian-kajian lapangan akan menyajikan kepada mereka sesuatu yang lebih realistik dan mampu memberi kesan yang lebih kuat dalam ilmu pengetahuan mereka. Teori-teori yang diajar juga dapat diaplikasikan, malah boleh juga diuji dengan konteks kawasan dan informan kajian yang berbeza-beza. Secara tidak langsung, ia membuka ruang pemikiran yang lebih kritis.

Contohnya, dalam kajian lipur lara, beberapa sarjana Barat sering mendakwa bahawa struktur cerita lisan adalah *stereotype* dalam semua pencerita. Penglipur lara dikatakan akan menggunakan formula penceritaan yang



sama untuk kesemua cerita mereka (Dundes, 1965). Teori ini boleh diuji sekiranya pelajar-pelajar berpeluang menemui penglipur lara yang sebenar dan melihat sendiri bentuk cerita mereka. Lebih berkesan lagi jika pelajar berpeluang menjejak beberapa pencerita yang masih hidup, seterusnya boleh dibuat perbandingan. Ini akan lebih menambah ilmu pengetahuan mereka dalam bidang berkenaan.

Seperti mana latihan industri, yang memberi pendedahan awal kerjaya kepada pelajar, libat sama dalam bidang kesusasteraan lisan ini juga sebenarnya mampu memberikan manfaat yang sama. Pelajar-pelajar yang berpeluang mengkaji penggiat sastera lisan di lapangan, bukan sahaja memperoleh pengetahuan tetapi juga pendedahan awal tentang aspek pemuliharaan, pendokumentasian, dan juga pembangunan warisan sesuatu bangsa. Apabila mereka berhadapan dengan penggiat itu sendiri, ia akan membuka ruang maklumat kepada pelajar tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh penggiat sastera / tradisi lisan, mengenalpasti punca-punca kejatuhan atau kemajuan sesuatu tradisi, dan juga mengetahui langkah-langkah positif yang boleh diambil untuk mempertahankan tradisi tersebut daripada terus tenggelam dalam masyarakat moden hari ini.

Pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh pelajar sedemikian mampu menyediakan mereka ke arah kerjaya dalam beberapa bidang yang bersesuaian. Antaranya kerjaya dalam bidang akademik, bidang pengurusan kebudayaan dan kesenian, kerjaya dalam bidang penyiaran (dokumentari), serta beberapa bentuk kerjaya yang berkaitan dengan masyarakat. Libat sama ini juga akan memberikan pelbagai *input* bermakna kepada pelajar untuk menambahkan keyakinan mereka, apabila ingin menempuh alam kerjaya selepas tamat pengajian di universiti.

Dari perspektif penggiat pula, libat sama ini turut memberikan impak yang baik kepada mereka. Libat sama akan menjadikan kewujudan dan kreativiti komuniti itu lebih dikenali oleh umum. Kunjungan pelajar-pelajar dan pensyarah universiti membuatkan warisan tersebut lebih tersebar kepada masyarakat umum, berbanding hanya terpendam dalam kelompok mereka sahaja. Sebaran seperti ini

akan menjadikan persembahan mereka lebih terkenal serta akan membuka ruang untuk dikunjungi oleh pelancong-pelancong jika ia diatur dan diuruskan dengan sempurna, di samping promosi yang berkesan oleh pihak-pihak yang berkaitan.

Dalam konteks yang berkaitan juga, usaha libat sama ini juga akan membantu penggiat tradisi lisan untuk terus bertahan, memandangkan mereka akan sentiasa dikunjungi oleh pihak universiti untuk menjalankan kajian dan sentiasa mengadakan persembahan secara berterusan. *Survival* tradisi lisan ini lebih terjamin sekiranya ia terus dipersembahkan dan juga akan memupuk minat generasi muda untuk terus menyambung warisan tersebut daripada generasi terdahulu. Hal ini juga seharusnya menjadi perhatian, memandangkan ada persembahan rakyat yang telah pupus sama sekali akibat tiada pelapis yang bersedia untuk meneruskannya. Persembahan tradisi lisan secara berterusan akan terus menarik minat pewaris muda mereka, jika ia mampu menjana sumber pendapatan setiap kali dilakukan persembahan di hadapan khalayak umum. Secara tidak langsung, ia akan menjadi aktiviti sampingan mereka, selain kerjaya tetap yang mereka ceburi.

Seterusnya, libat sama ini juga secara tidak langsung membuka sedikit ruang rezeki kepada penggiat tradisi lisan di kawasan pedalaman. Pembayaran dalam bentuk honorarium boleh disumbangkan setiap kali kunjungan universiti dan setiap kali mengadakan demonstrasi persembahan. Bayaran itu sangat bermakna, memandangkan rata-rata penglipur lara, pemain *mak yong*, penyanyi *dikir barat*, dan sebagainya adalah mereka yang bekerja di kampung dan tidak memiliki pendapatan tetap. Secara tidak langsung, hasrat libat sama universiti dan komuniti untuk memberi perubahan kehidupan yang lebih baik kepada komuniti itu akan berjaya dilaksanakan.

**Ketiga, Kaedah Pelaksanaan yang Berkesan.** Kelihatannya, usaha libat sama dalam konteks pengajian kesusasteraan ini boleh diaplikasikan serta mampu memberikan impak positif kepada kedua-dua pihak. Namun, cabaran yang paling besar ialah untuk mencari mekanisme pelaksanaannya yang benar-benar menjamin

keberkesanan libat sama universiti – komuniti dalam bidang ini. Ia adalah untuk mengelakkan berlakunya cara pelaksanaan yang bersifat *one-off* semata-mata. Jika ini yang terjadi, maka ia tidak akan memberikan manfaat yang sebenarnya kepada masyarakat.

Perkara paling utama yang perlu dilakukan ialah mewujudkan kurikulum khusus yang berkaitan dengan libat sama universiti – komuniti ini. Kurikulum khusus yang diwujudkan itu akan menjamin usaha ini lebih stabil dan juga berterusan. Dengan adanya kurikulum ini, semua pihak yang terdiri daripada pengurusan universiti, pensyarah, pelajar, dan komuniti sendiri akan lebih bersedia dan bersungguh-sungguh untuk menjayakan sesuatu program tersebut. Pelajar juga akan lebih serius untuk bekerja di lapangan, memandangkan ada penilaian tertentu yang akan mengukur prestasi mereka ketika bersama masyarakat, dalam konteks ini ialah penggiat sastera lisan tersebut.

Sebagai contohnya, jika USM (Universiti Sains Malaysia) memiliki kurikulum tersendiri dalam program ini, maka setiap tahun ia akan berjalan dengan teratur. Setiap tahun juga pelajar akan menemui tokoh-tokoh tertentu untuk menjalankan kajian mereka dan sebagainya. Penggiat-penggiat juga akan sentiasa bersedia menerima kunjungan pelajar dan pensyarah setiap tahun. Jika ini mampu dilaksanakan, bermakna libat sama akan berterusan dan manfaat yang disebutkan sebelum ini pun akan mampu dicapai sepenuhnya.

Untuk merealisasikan hasrat ini, komitmen yang tinggi dari semua pihak yang berkaitan mestilah ditunjukkan. Dalam konteks ini, G. Steve (2004) menegaskan bahawa asas kejayaan sesuatu libat sama adalah “komitmen daripada pihak kepimpinan yang berkaitan”. Selain universiti, pihak-pihak di peringkat komuniti seperti Jabatan Kebudayaan, Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), dan juga kumpulan atau individu penggiat tradisi itu semestinya memberikan komitmen yang maksimum.

Usaha libat sama ini sukar mencapai matlamatnya, ataupun sukar untuk diteruskan secara berpanjangan, sekiranya ada halangan-halangan atau sekatan di mana-mana pihak

tertentu. Jika situasi ini berlaku, maka usaha libat sama akan terhenti selepas sekali ia dilaksanakan sahaja. Hal ini turut ditegaskan semula oleh G. Steve (2004) bahawa sesuatu libat sama yang berjaya adalah jika ia disertakan dengan “*on going review and continuous improvement*”. Inilah yang sebenarnya memerlukan kerjasama daripada semua pihak.

Akhir sekali, sesuatu libat sama yang berjaya itu mestilah disertakan dengan dana yang mencukupi, stabil, dan berterusan. Aktiviti luar seperti ini sememangnya memerlukan perbelanjaan yang agak besar. Paling utama ialah kos pengangkutan, makan-minum, dan juga honorarium yang setimpal kepada penggiat tradisi lisan yang dikunjungi. Keperluan dana, sama ada yang disediakan oleh universiti ataupun bantuan penajaan, amat penting untuk melancarkan program ini. Ia menjadi tanggungjawab kepimpinan utama, kerana dana ini tidak boleh dibebankan ke atas pensyarah atau pelajar yang terlibat sahaja untuk mencarinya. Kekurangan dana atau ketiadaan dana hanya akan menjadi faktor utama yang menyumbang kepada ketidakberjayaan usaha libat sama ini.

**Keempat, Cabaran dan Halangan.** Usaha libat sama sememangnya mampu memberikan kesan yang baik, sama ada kepada pihak univeristi mahupun juga pihak komuniti itu sendiri. Walau bagaimanapun, suatu hal yang perlu disedari ialah tentang cabaran-cabaran dan halangan yang bakal ditemui dalam perencanaan dan juga ketika pelaksanaannya nanti.

Dana merupakan suatu aspek atau aset penting kepada usaha libat sama ini. Dana menjadi penggerak utama kepada setiap perancangan bersama komuniti ini. Jika universiti yang ingin turun ke lapangan bersama komuniti, adalah tidak wajar untuk mengharapkan dana daripada pihak komuniti. Malah, untuk berkongsi sama dana pun dikira tidak wajar, memandangkan pihak komuniti sangat-sangat mengharapkan bantuan daripada pihak universiti.

Keadaan ini berlaku kerana kebiasaannya, komuniti yang menjadi lokasi program adalah komuniti desa yang hidupnya serba sederhana. Lebih nyata lagi, dalam konteks sastera

lisan, komuniti yang ditemui sememangnya golongan bawahan dan juga masyarakat petani sahaja. Hakikatnya, faktor inilah yang bakal menentukan, sama ada usaha sama ini boleh berjaya atau sebaliknya.

Selain itu, sikap pihak-pihak yang melaksanakannya juga mampu menjadi satu cabaran kepada projek seperti ini. Sekiranya niat pelaksanaannya hanya sekadar memenuhi trend semasa, atau sekadar memenuhi permintaan pihak atasan, maka dikhuatiri usaha ini hanya dilakukan secara ala kadar sahaja. Maka banyaklah cacat-cela dan kekurangan di sana-sini yang akan terserlah.

Adalah menjadi suatu cabaran besar untuk memastikan usaha sama ini sebenarnya dilakukan oleh seseorang atau sekumpulan pelaksana yang benar-benar berminat, prihatin, dan komited dengan usaha yang sedang dijalankan. Mereka yang bersungguh-sungguh pasti akan melaksanakannya dengan pelbagai cara dan sentiasa mencari resolusi terhadap masalah yang dihadapi. Lebih pasti, projek libat sama ini akan berterusan untuk suatu jangka masa yang agak panjang, sehingga matlamat yang diharapkan benar-benar tercapai.

Libat sama universiti dan komuniti ini bakal berhadapan dengan halangan atau cabaran, sekiranya pihak universiti dan komuniti masih tidak jelas atau samar-samar dengan objektif yang ingin dicapai. Adakah ia sekadar dalam tempoh tertentu sahaja, dan kemudiannya ditamatkan? Apakah objektif yang ingin dicapai, atau setakat manakah ia hendak dicapai? Apakah komuniti benar-benar faham mengenai tujuan universiti mengadakan libat sama ini? Adakah komuniti mengharapkan libat sama ini berbentuk bantuan kewangan kepada mereka, untuk jangka masa yang panjang?

Persoalan-persoalan tersebut sebenarnya aspek yang perlu dijelaskan pada peringkat awal pelaksanaan lagi. Kegagalan aspek ini ditangani akan menjadikan usaha libat sama sia-sia, ataupun menimbulkan kekecewaan kepada mana-mana pihak yang terlalu mengharapkan sesuatu impak yang besar daripada program tersebut. Inilah yang perlu dielak dan ditangani sebaik mungkin.

## KESIMPULAN

Libat sama universiti komuniti dalam bidang kesusasteraan merupakan suatu peluang yang sangat baik untuk dilaksanakan, demi manfaat kedua-dua pihak. Walaupun ia telah dilakukan sebelum ini, tetapi ia hanyalah secara kecil-kecilan dan tanpa dana yang besar. Paling tidak pun ia dilaksnakan atas inisiatif pensyarah dan pelajar sahaja.

Namun, usaha yang dilakukan secara kecil-kecilan itu boleh dikembangkan dengan bersistematik, tersusun, ada kurikulum yang khusus, serta juga bantuan dana yang berpanjangan dan mantap. Hanya ini sahaja langkah yang boleh menjamin kejayaan libat sama dan juga kemajuan warisan bangsa secara berkekalan.

## Bibliografi

- Abdul Rahman, Mohamad Luthfi. (2008). "Pura Taman: Antara Dalang dan Dagang". *Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan*. Bangi, Selangor: UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- "Definisi Libatsama Komuniti" dalam <http://www.usm.my/bjim> [dilayari di Pulau Pinang, Malaysia: 15 Ogos 2013].
- Dundes, Alan. (1965). *The Study of Folklore*. Berkeley: University of California Press.
- Kajian lapangan yang dilakukan oleh penulis di Kampung Susup, Raub, Negeri Pahang, Malaysia, pada tarikh 20hb Ogos 2012.
- Klarer, Mario. (2004). *An Introduction to Literary Studies*. New York: Routledge.
- Mat Piah, Harun. (2003). *Sastera Rakyat Malaysia, Indonesia, dan Negara Brunei Darussalam: Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Max, F. & T. Richard. (2010). "University Community Engagement" dalam D. Steve & B. Sally (2010). *A Practical Guide to University and College Management: Beyond Bureaucracy*. New York: Routledge.
- Sarah, E.D. (2009). "Critiquing Community Engagement" dalam <http://www.sagepublications.com> [dilayari di Pulau Pinang, Malaysia: 15 Ogos 2013].
- Steve, G. (2004) "Building a Culture of Improvement through Evaluation in University/ Regional Community Engagement" dalam <http://www.id.swin.edu.au> [dilayari di Pulau Pinang, Malaysia: 15 Ogos 2013].
- Taib Osman, Mohd. (1982). *Manual for Collecting Oral Tradition with Special Reference to South East Asia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.